

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[ANALYSIS OF PRO-LIFE CONFLICTS AND PRO-CHOICE THERAPEUTIC  
ABORTION ISSUES IN TERMS OF KEEPING LIVES ACCORDING  
TO THE QURAN]**

**ANALISIS KONFLIK PRO-LIFE DAN PRO-CHOICE ISU PENGGUGURAN  
TERAPEUTIK DARI ASPEK MENJAGA NYAWA MENURUT AL-QURAN**

SITI KHATIJAH ISMAIL <sup>1\*</sup>  
RIDZWAN AHMAD <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Syariah, FKI, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kuala Terengganu

<sup>2</sup> Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

\*Corresponding author: [khatijah@unisza.edu.my](mailto:khatijah@unisza.edu.my)

Received Date: 7 November 2016 • Accepted Date: 28 January 2017

**Abstract**

*Therapeutic abortion is the termination of pregnancy procedures based on medical justification. There are two schools of opinion concerning to the issue of abortion. The first group confirmed that this procedure is done with a reason to save the mother's life or known as a pro-life group. The second group emphasized on the right of a woman to choose whether to continue with the pregnancy or not, known as pro-choice. Consequently, a 'priority conflict' arises between them. Thus, this article aims to analyze this conflict in accordance with the concept of preservation of life as found in verse 12 of Surat al-Hashr and verse 31 of Surat al-Isra'. Through an analysis of the work of scholars in the field of jurisprudence and medicine, interviews with the experts in the field of obstetrics and interpretation of these two verses in view of the maslahah (benefit) and mafsadah (harm), it is found that pro-life is a priority that needs to be preserved where the maslahah to protect lives is given due consideration.*

*Keywords: the Quran, preservation of life, Therapeutic abortion, pro-life, pro-choice.*

**Abstrak**

Pengguguran terapeutik merupakan satu prosedur penamatan kehamilan berdasarkan justifikasi perubatan. Terdapat dua aliran pandangan apabila isu pengguguran dibincangkan. Golongan pertama membenarkan prosedur ini dilakukan dengan alasan untuk menyelamatkan nyawa ibu yang dikenali sebagai golongan yang *pro-life*. Golongan kedua pula mengutamakan hak seorang ibu untuk membuat pilihan sama ada ingin meneruskan kehamilan ataupun tidak yang dikenali sebagai *pro-choice*. Sehubungan dengan itu timbul konflik keutamaan di antara keduanya. Maka, artikel ini bertujuan menganalisis konflik ini mengikut konsep menjaga nyawa sebagaimana yang terdapat di dalam ayat 12 surah al-Mumtahanah dan ayat 31 surah al-Isra'. Melalui analisis terhadap karya sarjana dalam bidang fiqh dan perubatan, temu bual bersama pakar dalam bidang

obstetrik serta tafsiran kedua-dua ayat ini dan aspek masalah dan mafsadah menunjukkan bahawa pendekatan *pro-life* merupakan suatu keutamaan yang perlu dipelihara kerana lebih mengambil kira masalah menjaga nyawa.

**Kata kunci:** Al-Quran, menjaga nyawa, Pengguguran Terapeutik, *pro-life*, *pro-choice*.

**Cite as:** Siti Khatijah Ismail, Ridzwan Ahmad. 2017. Analisis Konflik Pro-Life Dan Pro-Choice Isu Pengguguran Terapeutik Dari Aspek Menjaga Nyawa Menurut Al-Quran. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 14(1): 56-66.

## PENGENALAN

Isu pengguguran merupakan salah satu isu yang berkait dengan persoalan agama dan etika yang mana turut memberi impak dalam aspek perundangan mahupun dari sudut perubatan. Hal ini berlaku kerana ia melibatkan persoalan nyawa iaitu nyawa ibu ataupun nyawa anak yang dikandunginya. Perbincangan mengenai pengguguran melibatkan tindakan menggugurkan kandungan dalam tempoh kehamilan dan sebelum proses kelahiran matang berlaku. Maka, istilah penamatan kehamilan (*termination of pregnancy*) digunakan bagi menunjukkan tindakan dalam tempoh tersebut. Perkataan penamatan ini sudah memadai untuk menunjukkan kepada proses mengeluarkan kandungan sebelum masa yang sepatutnya dilahirkan (Oxford Dictionary of Law, 1997). Namun begitu, faktor yang membezakan antara prosedur penamatan kelahiran ini ialah bergantung kepada justifikasi kenapa ia dilakukan.

Sehubungan dengan itu, prosedur ini menimbulkan kontroversi jika dilihat dari sudut percanggahannya dengan prinsip umum dalam *maqasid al-syari'ah* yang mengutamakan keperluan menjaga salah satu perkara *daruriyyat* ialah menjaga nyawa (al-Khadimiy, 2006). Etika perubatan semasa juga selari dengan konsep *maqasid al-syari'ah* ini. Hal ini jelas apabila tindakan menamatkan kelahiran tanpa indikasi dianggap telah melanggar etika umum rawatan dan perubatan yang mengutamakan keselamatan nyawa. Etika dan prinsip tersebut ialah mengutamakan keselamatan diri dan nyawa di samping berusaha sedaya mungkin untuk meminimumkan *mafsadah* daripada pesakit (Kod Etika Kelakuan Profesional 1987). Dalam situasi ini, menjalankan pengguguran dilihat sebagai telah membunuh satu nyawa iaitu anak yang dikandunginya. Secara umum, ulama bersepakat menyatakan bahawa melakukan pengguguran atau menamatkan kelahiran adalah haram (al-Hanbaliy, 1987, al-Dardir, 1201H, al-Ramliy, 1967, Abu al-Farj 'Abd al-Rahman, t.th, Muhammad Ahmad 'Alish, 1958) dan merupakan suatu jenayah (Syarf al-Qudah, 1990) yang mempunyai hukuman yang tertentu. Ia dianggap sebagai jenayah kerana telah menamatkan sebuah kehidupan yang sama pengertiannya dengan perbuatan membunuh. Hal ini kerana setelah berlaku persenyawaan antara sperma dan ovum, janin merupakan makhluk yang hidup kerana telah melalui proses perkembangan, tumbesaran serta mendapat makanan daripada pemakanan ibunya sekalipun belum ditiupkan roh.

Namun, apabila dilihat daripada sudut yang lain pula, prosedur penamatan kehamilan atau pengguguran ini merupakan suatu keperluan perubatan apabila dengan meneruskan kehamilan boleh membawa risiko kepada ibu dan membahayakan nyawa mereka. Maka, pengguguran dilakukan demi menyelamatkan nyawa ibu dengan mengorbankan nyawa anak yang dikandunginya. Pengguguran jenis ini dikenali sebagai pengguguran terapeutik atau disebut sebagai *al-ijhad al-tibbiy* (Kamus Jururawat, 2001; Mahmud Musa 'Abd al-Lah. (t.t.)). Meskipun begitu, konflik yang wujud sama ada untuk mengutamakan nyawa anak ataupun nyawa ibu ini menyebabkan timbul dua aliran atau pendekatan dalam menyelesaikannya iaitu golongan yang *pro-life* (cenderung kepada mengutamakan kehidupan atau nyawa) dan

golongan *pro-choice* (cenderung kepada mengutamakan hak dan pilihan). Sehubungan dengan itu kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti pendekatan yang dapat digunakan dalam mengharmonikan di antara dua aliran atau pendekatan ini agar selari dengan *maqasid al-syari'ah*. Analisis akan dilakukan dengan merujuk kepada fakta-fakta perubatan berkaitan pengguguran dan tuntutan menjaga nyawa yang dinyatakan di dalam al-Quran.

## DEFINISI PENGGUGURAN TERAPEUTIK

Definisi kepada pengguguran atau penamatan kehamilan dihuraikan dari beberapa sudut pandangan mengikut konteks tertentu seperti dari sudut bahasa, perubatan, dan perundangan. Perkataan pengguguran jika dilihat dari sudut bahasanya disebut sebagai *al-ijhad* (الإجهاض) dalam penggunaan bahasa Arab yang bermaksud pengguguran (Abd. Rauf, 2006). Perkataan pengguguran dari sudut bahasa bermaksud penamatan kehamilan, keguguran atau pembuangan janin daripada rahim sebelum tamat tempoh kehamilan yang normal (Kamus Jururawat, 2001; Oxford Dictionary of Law, 1997). Ia juga merujuk maksud mengeluarkan fetus dalam tempoh ini sama ada dilakukan secara medikal ataupun pembedahan. Proses yang berlaku secara semulajadi dalam kes keguguran yang berlaku sebelum usia fetus mencapai 22 hingga 24 selepas persenyaaan (Akira Akabayashi, Astoshi Kodama dan B.T. Slingsby, 2010). Huraian berkaitan dengan pengguguran membawa maksud kepada proses menamatkan kehamilan sama ada berlaku secara normal ataupun menggunakan kaedah tertentu bagi mengeluarkan janin dari rahim sebelum tempoh kehamilan normal berakhir.

Penggunaan maksud yang sama dalam bahasa Melayu dibezakan dengan penggunaan dua perkataan yang berbeza iaitu keguguran dan pengguguran. Keguguran bermaksud kelahiran anak sebelum cukup bulan dan berlaku dengan tidak sengaja (Kamus Dewan, 2007). Manakala pengguguran pula menunjukkan kepada perihal suatu perbuatan atau tindakan menggugurkan (Kamus Dewan, 2007). Kedua-dua keadaan ini memberi dua implikasi hukum yang berbeza. Keadaan yang pertama tidak membawa kepada hukum tertentu seperti haram, makruh atau sebagainya kerana ia berlaku bukan kerana atas daya usaha seseorang tetapi secara semula jadi. Ia merupakan suatu ketetapan daripada Allah s.w.t. dan tidak termasuk dalam kategori 'membunuh' seperti yang terdapat dalam tafsir ayat 33 surah al-Isra' (Ibnu Kathir, 1997). Berbeza dengan keadaan kedua kerana ia berlaku hasil daripada tindakan mengakhirkan kehamilan yang menjadi topik perbincangan dalam kalangan sarjana bidang agama, perundangan dan perubatan. Ia merujuk kepada suatu tindakan melakukan pembunuhan secara tidak benar seperti yang dinyatakan dalam ayat yang sama.

Dari sudut perubatan, pengguguran dikaitkan dengan tindakan pembuangan anak atau janin secara pra-matang dari rahim ibu dalam mana-mana tempoh mengandung sebelum tempoh matang dan mengaitkannya dengan cara pengguguran itu dilakukan sama ada secara semula jadi, secara paksaan ataupun sengaja (Vivienne Harpwood, 1996). Justeru terdapat tiga jenis pengguguran iaitu pengguguran secara spontan atau semula jadi (*abortus spontaneus*), pengguguran buatan atau sengaja (*abortus provocatus criminals*), dan pengguguran secara terapeutik atau perubatan (*abortus provocatus therapeuticum*). Kajian ini akan memfokuskan kepada jenis pengguguran yang ketiga iaitu pengguguran terapeutik.

Pengguguran terapeutik merupakan tindakan yang dilakukan untuk menamatkan kehamilan. Alasan yang munasabah menurut indikasi perubatan seperti wanita hamil yang menghidap tekanan darah tinggi kronik atau penyakit jantung kritikal. Keadaan ini boleh membahayakan kedua-dua ibu mahupun janinnya (MacLaren, 1978). Perkaitan antara jenis pengguguran dan impak hukumnya menatijahkan tiga keadaan. Pertama, jelas tidak melibatkan kesan terhadap hukum syarak kerana ia berlaku secara semula jadi. Pengguguran yang kedua pula hukumnya adalah haram kerana dilakukan secara sengaja dan dikira membunuh satu nyawa sedangkan ia wajib dipelihara mendahului keperluan yang lain. Ketiga pula mempunyai

satu perbahasan yang menimbulkan konflik di dalamnya di antara menyelamatkan nyawa ibu ataupun nyawa anak yang dikandung. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan memfokuskan kepada pengguguran terapeutik ini dari aspek keutamaan dalam menjaga nyawa antara nyawa ibu ataupun anak yang dikandungnya dengan mengaitkan dengan aliran *pro-life* dan *pro-choice* muncul.

## ANALISIS HUKUM PENGGUGURAN TERAPEUTIK

Pengguguran terapeutik dilakukan berasaskan kepada pelbagai faktor. Faktor-faktor yang menentukan sesuatu penamatan kehamilan perlu dilakukan ialah justifikasi prosedur ini dilakukan, had keperluan, etika yang membatasinya serta kondisi wanita hamil tersebut (Siti Khatijah et. al., 2015). Isu ini bukan sahaja menimbulkan dilema kepada pesakit bahkan juga kepada pengamal perubatan. Doktor dan bidan akan berhadapan dengan konflik dan etika apabila persoalan ini memerlukan kepada keputusan yang tuntas dan segera. Konflik timbul apabila wujudnya pertembungan di antara mempertahankan prinsip umum perubatan iaitu menyelamatkan nyawa ibu dan menghormati keputusan untuk tidak melakukan pengguguran. Sebelum analisis ke atas kedua-dua pendekatan ini dibuat, tinjauan terhadap pandangan ulama perlu dilihat terlebih dahulu bagi mengetahui pendirian mereka berhubung dengan isu pengguguran.

Sarjana silam seperti al-Razi dan Ibnu Sina telah menyentuh persoalan pengguguran terapeutik ini dalam karya mereka iaitu *al-Hawi fi al-Tib* dan *Al-Qanun fi al-Tib*. Al-Razi membenarkan pengguguran dilakukan bagi wanita yang mempunyai rahim yang kecil yang mana jika diteruskan kehamilan boleh menyebabkan kematian wanita tersebut apabila janinnya membesar (Al-Razi, 1960). Manakala Ibnu Sina pula membenarkannya dalam kes wanita yang hamil tersebut masih muda dan kecil dan dikhuatiri proses melahirkan anak akan menyebabkan kematiannya, atau bila ia menghadapi penyakit rahim atau ketumbuhan dalam rahim serta menyulitkan pengeluaran janin (Ibnu Sina, t.th.).

Fatwa oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke 52 pada 1 Julai 2002 pula memutuskan bahawa penamatan kelahiran diharuskan sebelum kandungan berusia 120 hari sekiranya bayi didapati cacat dan membahayakan nyawa ibu seperti penyakit thalassaemia. Faktor keharusan ini adalah bergantung kepada wujudnya kecacatan kepada bayi dan pada masa yang sama memudaratkan nyawa ibu. Oleh itu, kecacatan bayi semata-mata tanpa menggugat keselamatan ibunya tidak diharuskan menggugurkan kandungan. Hal ini dikuatkan lagi dengan keputusan yang membenarkan pengguguran kandungan yang berusia lebih daripada 120 hari dilakukan jika hanya tindakan ini yang boleh menyelamatkan nyawa ibu. Maka, haram sebarang bentuk penamatan kelahiran tanpa justifikasi yang dinyatakan tadi.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal U gama Islam Malaysia mengenai garis panduan pengendalian masalah kesihatan seksual dan reproduktif dalam kalangan remaja di klinik kesihatan kali ke-90 turut menetapkan harus menggugurkan kandungan bagi kes terdapat kecacatan yang teruk pada janin dan penyakit yang mengancam nyawa (*Guideline on Termination of Pregnancy (TOP) for Hospitals in The Ministry of Health*).

Dari segi perundangan pula, meskipun Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus berkaitan dengan pengguguran ini, namun seksyen 312 Kanun Keseksaan ada memperuntukkan tentang perkara ini. Menurut Akta 574 kanun Keseksaan, pengguguran adalah diharamkan. Namun pengecualian telah dibuat kepada seksyen 312 akta tersebut dengan menetapkan seperti berikut;

*A medical practitioner registered under the Medical Act 1971 who terminates the pregnancy of a woman if such medical practitioner is of the opinion, formed in good faith, that the continuance of the pregnancy would involve risk to the life of the pregnant woman, or injury to the mental or physical health of the pregnant woman, greater than if the pregnancy were terminated (Kanun Kesiksaan (Penal Code), Seksyen 312).*

Peruntukan di atas menunjukkan kepada melakukan pengguguran dianggap sebagai satu jenayah Namun, pengecualian yang diberi bagi kes yang melibatkan nyawa ibu pula menunjukkan kepada keutamaan menjaga nyawa ibu berbanding meneruskan kehamilan. Maka, analisis aliran *pro-life* dan *pro-choice* dalam pengguguran terapeutik secara lebih khusus akan dilakukan apabila timbul konflik menjaga nyawa di antara ibu dan anak yang dikandunginya.

### **ALIRAN *PRO-LIFE* DAN *PRO-CHOICE* DALAM ISU PENGGUGURAN TERAPEUTIK**

Isu pengguguran bukan semata-mata isu perubatan, bahkan berkait dengan dilema dalam persoalan etika dan nilai keagamaan. Ia menyentuh persoalan berkaitan konflik yang wujud antara hak peribadi seorang wanita dalam membuat keputusan dan penilaian kepada hak anak yang dikandunginya untuk terus kekal dalam rahim sehingga selamat dilahirkan. Perdebatan yang hebat dalam mencari penyelesaian kepada konflik ini melahirkan dua aliran yang dikenali sebagai aliran *pro-life* dan aliran *pro-choice*.

Aliran *Pro-life* merujuk kepada pandangan yang menentang pengguguran atau *anti-abortion* yang mana menganggap pengguguran itu sebagai satu jenayah dan mesti dihentikan (Edge & Groves, 2005). Maka, aliran ini mempunyai pendekatan yang mempertahankan hak fetus untuk terus hidup dan secara umumnya menentang prosedur pengguguran cetusan (*induced abortion*) yang dilakukan dengan usaha pihak ibu sendiri atau pihak ketiga.

Manakala *pro-choice* pula merupakan aliran yang mempercayai bahawa keputusan untuk melakukan pengguguran adalah salah satu hak kebebasan peribadi (*personal liberty*) dan sepatutnya ada undang-undang yang mengesahkan dan memperakuiinya (Edge & Groves, 2005). Oleh itu, mereka menganggap pengguguran yang dilakukan adalah suatu pendekatan yang mengutamakan hak-hak reproduktif bagi seseorang perempuan untuk bebas memilih dan membuat keputusan mengenai kehamilannya sama ada untuk meneruskannya ataupun menamatkannya.

Di Malaysia, terdapat satu garis panduan yang disusun berkaitan dengan persoalan penamatan kehamilan ini yang dinamakan dengan *Guideline on Termination of Pregnancy (TOP) for Hospitals in The Ministry of Health*. Garis panduan ini disusun bagi menangani pengguguran yang tidak selamat (*unsafe abortion*) yang mana merupakan sebab utama kepada *maternal mortality* dan *morbidity* (kematian maternal). Garis panduan ini juga dibuat berdasarkan kepada pengalaman setempat dan rujukan kepada amalan yang dipraktikkan oleh negara-negara seperti United Kingdom, Singapura, Australia dan Kanada. Penghasilannya juga dibuat secara holistik dengan mengambil kira maklumat yang terdapat di dalam Kanun Kesiksaan, pendirian pelbagai agama dan *Code of Professional Conduct*.

Berdasarkan kepada garis panduan di atas, prosedur menamatkan kehamilan hanya dilakukan atas justifikasi perubatan dan bukannya semua jenis pengguguran. Maka pengguguran kandungan dengan alasan masalah ekonomi, sosial dan program perancang keluarga yang tidak konsisten tidak boleh diterima berdasarkan garis panduan ini. Hal ini berbeza dengan perjuangan *pro-choice* di negara barat seperti Amerika yang lebih cenderung

kepada memperjuangkan hak asasi manusia dalam kebebasan memilih dan membuat keputusan tanpa melihat kepada justifikasi yang lain.

## KONSEP MEMELIHARA NYAWA DALAM AL-QURAN

Al-Quran sebagai petunjuk dan panduan dalam kehidupan manusia menyusun cara hidup bermasyarakat dan mewujudkan kesinambungan kehidupan mereka dengan larangan melakukan pembunuhan. Ayat ke 12 daripada surah al-Mumtahanah dengan jelas menunjukkan kepada tegahan ini selepas larangan melakukan syirik dan zina. Firman Allah s.w.t.;

يَأْتِيهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰ أَنْ لَا يُشْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَسْرِقْنَ وَلَا يَزْنِينَ وَلَا يَقْتُلْنَ أَوْلَادَهُنَّ  
وَلَا يَأْتِينَ بِبُهْتَانٍ يَفْتَرِينَهُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِيَنَّكَ فِي مَعْرُوفٍ فَبَايِعْنَهُنَّ وَأَسْتَغْفِرْ لَهُنَّ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ  
عَفُورٌ رَحِيمٌ

*Maksudnya: Hai nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahawa mereka tiada akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka ada- adakan antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan menderhakaimu dalam urusan yang baik, Maka terimalah janji setia mereka dan mohonlah ampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

*Surah al-Mumtahanah(60): 12*

Ayat di atas menjelaskan tentang enam perkara yang ditegah di dalam Islam dan salah satu daripadanya ialah membunuh anak-anak. Meskipun ayat ini menggambarkan kepada perbuatan membunuh anak yang dilahirkan semasa di zaman *jahiliyyah* kerana takut kepada kemiskinan, namun ia juga merujuk kepada perbuatan membunuh janin yang masih berada di dalam kandungan (Ibnu Kathir, 1997). Sesetengah wanita di zaman itu menjatuhkan diri mereka supaya gugur kandungan mereka. Keadaan kedua ini dilihat lebih teruk kerana anak tersebut dibunuh sebelum sempat dilahirkan lagi. Situasi yang sama berlaku kini tetapi dengan tujuan dan dengan menggunakan kaedah yang berbeza selaras dengan perkembangan dalam teknologi perubatan. Tegahan ini jelas bertujuan memelihara kehormatan nyawa sekalipun di peringkat janin lagi.

Berkait dengan konsep penjagaan nyawa dalam isu perubatan, isu-isu seperti *euthanasia*, pemindahan organ dan mati otak sering menimbulkan konflik dalam membuat keputusan mengenai hukumnya (M Takrouri, T Halwani, 2007). Hal yang sama berlaku dalam isu penamatan kelahiran ini. Ia melibatkan pertembungan di antara dua kepentingan iaitu nyawa ibu dan nyawa janin. Allah s.w.t. telah menekankan aspek penjagaan nyawa termasuk juga penjagaan nyawa anak yang belum dilahirkan lagi. Firman Allah s.w.t. dalam ayat 31 surah al-Isra' berikut menjelaskan tentang pemeliharaan ini:

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ حَشِيَّةً ۖ اِمْلَقِ تَحْنُ نَرَزُقُكُمْ وَاِيَّاكُمْ اِنْ قَتَلْتُمْ كَانَ خِطَاً كَبِيْرًا

*Maksudnya: Dan janganlah kamu membunuh anak-anakmu Karena takut kemiskinan. kamilah yang akan memberi rezeki kepada mereka dan juga kepadamu. Sesungguhnya membunuh mereka adalah suatu dosa yang besar.*

*Surah al-Isra'(17): 31*

Pembunuhan atau *al-qatl* akan merosakkan kewujudan manusia iaitu dengan menyebabkan hilangnya nyawa mereka (Al-Zuhayli, 1998). Di samping itu perbuatan ini juga dianggap sebagai mencerooboh dan membinasakan hak Allah s.w.t. kerana seseorang manusia itu tidak memiliki dirinya sendiri apatah lagi diri orang yang lain (Al-Zuhayli, 1998). Justeru manusia berkewajipan memelihara diri sendiri dan tidak melakukan *mafsadah* kepada orang lain dengan melakukan sesuatu yang boleh menghilangkan nyawanya.

Meskipun ayat ini memerihalkan tentang hukum membunuh diri sendiri yang dikira sebagai suatu dosa, ia juga terpakai kepada tindakan membunuh jiwa yang lain. Namun syarak menetapkan tiga keadaan yang mana hukum darah manusia itu halal ditumpahkan (dibunuh) iaitu orang yang murtad, penzina yang *muhsan* dan orang yang melakukan pembunuhan ke atas orang lain (Sidqi Jamil al-‘Atar, 1998: 3,1129). Tiga keadaan ini menghuraikan maksud membunuh dengan *haq* yang dinyatakan dalam firman Allah s.w.t. dalam surah al-Isra’ ayat 33 berikut:

وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَمَنْ قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لَوْلِيهِ سُلْطَانًا فَلَا يَسْرِفُ فِي الْقَتْلِ  
إِنَّهُ كَانَ مَنصُورًا

*Maksudnya: Dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar. Surah Al-Isra’(17) : 33*

Berdasarkan ayat di atas, janin yang masih berada di dalam rahim ibunya dikira sebagai jiwa yang terpelihara haknya dan ditegah membunuhnya kecuali dalam tiga keadaan yang dinyatakan sebelum ini. Maka, sehubungan dengan itu, kedudukan menjaga nyawa yang mendahului keutamaan menjaga akal, keturunan dan harta menunjukkan kepada tahap kepentingannya dalam *daruriyyat al-khams* sehinggakan Ibn Taymiyyah menganggap seteruk-teruk kerosakan di dunia ini ialah apabila berlakunya pembunuhan tanpa hak yang mana dikira sebagai dosa yang paling besar selepas kerosakan dalam agama iaitu kufur (Ibnu Taymiyyah, 1385H). Hal ini jelas menunjukkan kepada keutamaan memeliharanya dalam setiap aspek kehidupan manusia bagi memastikan tidak berlaku kerosakan pada jiwa seterusnya memastikan *maslahah* sentiasa terjaga.

## ANALISIS KONFLIK *PRO-LIFE* DAN *PRO-CHOICE* PENGGUGURAN TERAPEUTIK MENURUT AL-QURAN

Penamatan kehamilan dalam kajian ini bermaksud suatu keputusan untuk tidak meneruskan kehamilan atas justifikasi perubatan yang mana dengan meneruskan kehamilan tersebut boleh memudaratkan nyawa ibu. Dalam ilmu perubatan obstetrik, prosedur ini dikenali sebagai *termination of pregnancy* (TOP). Istilah yang kerap digunakan juga ialah pengguguran terapeutik (*therapeutic abortion*). Penggunaan perkataan pengguguran dianggap lebih ekstrem dan menjurus kepada maksud jenayah ke atas janin (Faizan Irdawaty, 2015). Namun, apabila dikaitkan dengan faktor terapeutik ia mengeluarkan maksud asalnya sebagai suatu pencerobohan ke atas jiwa dan menjadikannya sebagai suatu prosedur yang mempunyai *maslahah* dari perspektif perubatan.

Keharusan melakukan pengguguran kategori ini adalah bertujuan memelihara *maslahah* wanita dan ia menggambarkan realiti syariat Islam yang terbina atas dasar ihsan, kasih sayang dan untuk memudahkan (‘Abd al-Rahman bin Nasir al-Sa’di, 1994). Kebenaran melakukannya akan mengangkat *mafsadah* daripada mereka kerana dengan mengekalkan hukum asal yang mengharamkan pengguguran bakal meletakkan wanita dalam bahaya yang mengancam nyawa.

Maka prosedur ini menjadi wasilah kepada tujuan memelihara nyawa kerana ia dilakukan untuk menyelamatkan nyawa ibu tersebut.

Namun begitu, terdapat kontradiksi antara keperluan memelihara nyawa ibu dan memelihara nyawa janin. Kedua-dua keperluan berada dalam tahap yang sama iaitu perkara *daruriyyat* yang mesti diutamakan selepas keperluan menjaga agama. Susunan keutamaan ini merupakan pandangan dalam kalangan ulama seperti Al-Ghazali (t.t.), Al-Shatibi (2012), Ibn ‘Abd al-Syakur (1904), Al-Razi (1987), Al-Zarkashi (1982) dan Ibn al-Najjar (1992). Seterusnya selepas keperluan memelihara nyawa, diikuti pula dengan memelihara *maslahah* akal, keturunan dan harta. Hal ini dibincangkan kerana apabila dengan melakukan pengguguran untuk menyelamatkan nyawa ibu, nyawa janin akan dikorbankan. Konsep menjaga kehormatan nyawa dalam isu penamatan kehamilan ini turut menjadi keutamaan dalam kepercayaan agama lain seperti yang terdapat dalam Kristian Roman Katolik yang berpegang dengan doktrin kesucian kehidupan (*sanctity of life*). Ia menegah berlakunya pencerobohan terhadap kehidupan sekalipun di tahap janin mahupun embrio melainkan dalam keadaan yang tertentu (Sheila Mclean dan Gerry Maher, 1983). Prinsip “*Ahimsa*” (tiada keganasan dan kecederaan kepada semua kehidupan) yang menjadi pegangan Hinduism, Budhisma dan Jainisma pula menganggap perbuatan memusnahkan kehidupan sebagai suatu kejahatan bahkan turut tidak memusnahkan kehidupan haiwan sekalipun serangga yang kecil (Chandrasekhan, 1974). Maka, tegahan melakukan pengguguran merupakan suatu manifestasi daripada peneguhan konsep kehormatan sebuah kehidupan yang diberi oleh Allah s.w.t. dan manusia tidak berhak mencabulinya. Meskipun dalam konteks agama lain melihat persoalan ini dari aspek nilai dan etika dan tanpa mengaitkannya sebagai anugerah daripada Allah s.w.t., pendekatan mereka yang memuliakan kehidupan dan nyawa menunjukkan ia suatu persoalan yang melangkaui skop agama bahkan menjadi isu kemanusiaan.

Dalam situasi yang lain pula, terdapat tegahan menimbulkan kemudaratan terhadap pihak yang lain untuk mengelak kemudaratan yang sama pada diri sendiri ataupun lebih besar sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah لا ضرر ولا ضرار. Bersesuaian dengan kaedah ini, rumusan ulama terhadap hukum menghilangkan kemudaratan apabila berkaitan dengan kemudaratan yang lain jelas menunjukkan kepada pendekatan meminimumkan impak *mafsadah* yang bakal berlaku di sebalik tindakan untuk menghilangkan *mafsadah* yang telah sedia wujud. Oleh itu haram menghilangkan kemudaratan yang boleh membawa kepada kemudaratan yang lebih besar dan sebaliknya wajib dihilangkan kemudaratan tersebut sekiranya ia tidak mengundang kepada sebarang kemudaratan yang lain (Walid bin Rasyid al-Su’aidan, 2012). Maka analisis kepada besar dan kecilnya *mafsadah* yang akan timbul perlu dilakukan agar keputusan dibuat adalah tepat dan meraikan *maslahah* yang lebih utama untuk dipelihara.

Justeru berdasarkan kepada tafsiran terhadap dua ayat al-Quran yang diketengahkan sebelum ini dan justifikasi perubahan yang mengutamakan keselamatan nyawa, maka pilihan di antara aliran *pro-life* dan *pro-choice* dalam pengguguran terapeutik wajar menilai dua aspek berikut;

i. Matlamat menjaga nyawa

Kedua-dua pendekatan *pro-life* dan *pro-choice* sebenarnya bertujuan menjaga nyawa. Golongan yang berpegang dengan *pro-life* menganggap nyawa janin yang masih dalam kandungan ibunya suatu yang berharga dan berhak untuk dihormati sebagaimana ia sudah dianggap sebagai manusia. Manaka *pro-choice* pula akan mementingkan perkara yang sama apabila wanita hamil memilih untuk menggugurkan kandungan untuk menyelamatkan nyawanya setelah disahkan oleh pakar bahawa dengan meneruskan kehamilan akan

memudaratkan dirinya. Dia juga berhak untuk memilih untuk tidak menggugurkan kandungannya sekalipun nyawanya terancam (Edge & Groves, 2005).

Dalam situasi kedua ini, pilihan yang dibuat akan menjerumuskan dirinya ke dalam kebinasaan dan *masalah* kehidupan yang baik dan selamat pada anak yang bakal dilahirkan juga tidak dapat dipastikan berdasarkan kepada ilmu perubatan obstetrik semasa. Oleh itu, perintah Allah s.w.t. supaya bertanya kepada golongan yang lebih tahu merupakan jalan penyelesaian kepada mencari pendekatan yang bertepatan dengan *maqasid al-syaricah* dalam isu perubatan sebegini.

Tambahan lagi, isu *pro-choice* yang menjadi kontroversi di negara-negara Barat dan yang sealiran dengan pendekatan ini ialah apabila pendekatan ini diamalkan secara total dan menuntut ia diterima di sisi undang-undang atas dasar hak asasi individu. Situasi ini turut merencanakan gerakan aktivis *pro-life* dalam menyatakan pandangan yang berbeza (Ziad, 2008). Perkembangan ini adalah wajar kerana impak yang bakal berlaku sekiranya tuntutan ini diterima ialah pendekatan *pro-choice* akan digunakan untuk semua jenis penamatan kehamilan kerana ia dilabelkan sebagai hak asasi seseorang individu. Berbeza dalam kategori pengguguran terapeutik, tiada ruang bagi pendekatan ini untuk dipraktikkan apabila kondisi wanita hamil tersebut ataupun janin yang dikandunginya tidak memungkinkan kehamilan diteruskan. Pengesahan oleh pakar ini pula mesti dari mereka yang betul-betul mahir dalam obstetrik dan bertindak mengikut prinsip umum etika perubatan yang dengan sedaya upaya akan menyelamatkan nyawa pesakitnya.

## ii. Mengutamakan hak individu

Aspek menjaga hak wanita menjadi perkiraan utama dalam pendekatan *pro-choice*. Mereka bebas untuk memilih di antara menggugurkan kandungan atau meneruskannya. Konflik yang berlaku di barat dilihat lebih kepada memperjuangkan hak asasi individu tanpa melihat kepada nilai-nilai agama. Namun, apabila ianya dianalisis dari perspektif Islam, gerakan ini menyalahi syarak dan tidak wajar dibenarkan berkembang. Hal ini kerana dengan membenarkan hak membuat pilihan semata-mata tanpa mengambil kira justifikasi perubatan serta nilai agama dan etika, seolah-olah membenarkan 'pembunuhan' dilakukan dengan cara tidak benar sebagaimana yang ditegah di dalam al-Quran.

Bagi yang melihat isu ini dari sudut *pro-life* pula, ia menjurus kepada menjaga hak janin untuk hidup. Namun, apabila janin telah disahkan tidak dapat hidup selepas dilahirkan (*not compatible for life*) seperti dalam kes anencephaly iaitu janin yang terbentuk tanpa otak atau tengkorak atau sebahagian daripadanya (Mohd Yusof Md Kassim, 2015) dan keadaan janin yang memudaratkan ibu (J. Ravindran, 2003), maka hak ini hilang dan keutamaan menjaga nyawa berpindah kepada ibu. Pendekatan yang sama juga apabila ibu berada dalam gangguan mental yang teruk, pengguguran boleh dipertimbangkan untuk dibenarkan (T.N.A. Tengku Zainudin, 2002). Maka, faktor-faktor lain seperti faktor ekonomi dan sosial tidak boleh dijadikan alasan kepada pengguguran atas alasan ianya sebagai suatu hak seorang wanita.

Kedua-dua aspek di atas saling berkait di antara satu sama lain apabila dianalisis dari aspek prosedur pengguguran terapeutik. Pendekatan *pro-choice* yang pada asalnya memperkenalkan idea bahawa seorang wanita dan doktor berhak memutuskan untuk menamatkan hayat janin yang dikandunginya boleh ditukar kepada suatu bentuk perbincangan tentang pro dan kontranya jika kehamilan diteruskan menurut perubatan seperti yang diamalkan di Malaysia sekarang. Di samping itu, penekanan kepada aspek menjaga nyawa pula sewajarnya menjadi keutamaan apabila keputusan untuk melakukan pengguguran diambil.

## KESIMPULAN

Analisis terhadap keperluan menjaga nyawa yang terdapat dalam al-Quran dan penilaian kepada pemakaian aspek *maslahah* dan *mafsadah* dalam prosedur pengguguran terapeutik mendapati bahawa pendekatan *pro-life* lebih menepati *maqasid al-syaricah*. Kedua-dua ayat al-Quran yang dikemukakan dalam artikel ini jelas menunjukkan kepada larangan membunuh anak sama ada yang dilahirkan ataupun yang masih di dalam kandungan. Meskipun begitu, apabila terdapat kemudaratan nyawa yang lebih besar pada ibu, maka pengguguran dibenarkan dengan justifikasi yang benar setelah disahkan oleh golongan yang pakar dalam bidang ini iaitu obstetrik. Langkah ini selaras dengan perintah supaya merujuk kepada mereka yang lebih pakar yang terdapat di dalam al-Quran. Oleh itu, menerima pendekatan *pro-choice* semata-mata tanpa perincian dan kawalan aspek syarak dan etika hanya akan menimbulkan huru-hara dalam masyarakat dan boleh membawa kepada rosak keturunan manusia seterusnya mengganggu sistem sosial yang lain seperti berlakunya pengguguran yang tidak selamat (*unsafe abortion*), kematian ibu semasa menjalankan pengguguran dan sebagainya. Maka, gerakan *pro-life* lebih memelihara *maslahah* menjaga nyawa dan hak ibu untuk terus hidup. Pendekatan ini dilihat suatu pendekatan yang *wasatiyyah* dan tidak ekstrem terhadap sesuatu perjuangan ke atas hak yang tidak didasarkan kepada prinsip syarak yang sejahtera.

## RUJUKAN

- A. Mac Laren. 1978. *Birth Control in Nineteenth-Century England*. London: Croom Helm.
- Abd.Rauf Hassan. 2006. *Qamus al-Lughah al-Malayuwiyyah al-‘Arabiyyah- al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Malayuwiyyah*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Abu al-Farj ‘Abd al-Rahman bin Ahmad bin Rajab. t.th. *Jami’ al-‘Ulum Wa al-Hikam*. Beirut: Dar al- Ma’rifah li al-Taba’ah wa al-Nashr.
- Akira Akabayashi, Astoshi Kodama dan B.T. Slingsby. 2010. *Biomedical Ethics In Asia*. Kuala Lumpur, Mc Graw Hill.
- Al-‘Atar, Sidqi Jamil. 1998. *Hasyiyah al-Sawi ‘ala Tafsir al-Jalalayn*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ansariy, ‘Abd al-‘Ali bin Muhammad bin Muhammad al-Lakuniy. 1904. *Fawatih al-Rahmut Bulaq: Al-Matba’ah al-Amiriyyah*.
- Al-Dardir, Abu al-Barakat Ahmad bin Muhammad. *Al-Sharh al-Kabir ‘ala Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazzali, Abu Hamid. t.th. *Al-Mustasfa Min ‘Ilmi al-Usul*. Beirut. Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiyy.
- Al-Hanbaliy , Badr al-Din Abi ‘Abd al-Lah Muhammad bin ‘Aliz. 1987. *Kitab al-Fatawa Mukhtasar al- Misriyyah al-Tashil*. Beirut: Dar al-Jil.
- Al-Khadimiy, Nur al-Din bin Mukhtar. 2006. *‘Ilm al-Maqasid al-Shar’iyyah*. Riyadh: Maktabah al- ‘Abikan.
- Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad bin Abi al-‘Abbas Ahmad bin Hamzah Ibn Shihab al-Din. *Nihayah al-Muhtaj ila Sharh al-Minhaj*. Mesir: Maktabah wa Matba’ah Mustafa al-Babi al- Halabi wa Awladih.
- Al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad bin ‘Umar. 1987. *Al-Mahsul fi ‘Ilmi Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al- Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Sa’di ‘Abd al-Rahman bin Nasir. 1994. *Risalah fi al-Qawa’id al-Fiqhiyyah*. Beirut: ‘Alam al-Kutub. Al-Shatibi, Abi Ishaq. 2012. *Al-Muwafaqat*, Qaherah: Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Al-Su’aidan, Walid bin Rasyid. 2012. *Kaedah-kaedah Syarak Berkaitan Isu-isu Perubatan*. terj. Basri bin Ibrahim. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.

- Al-Zarkashi, Badr al-Din Abu ‘Abd al-Lah Muhammad. 1992. *Al-Bahr al-Muhit fi Usul al-Fiqh*. Kuwait: Wazarah al-Awqaf wa al-Shuun al-Islamiyyah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1998. *Al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-syaricah wa al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Guideline on Termination of Pregnancy (TOP) For Hospital In The Ministry of Health.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halim. 1389H. *Iqtida’ al-Sirat al-Mustaqim Mukhalafah Ashab al- Jahim*. Makkah: Matba’ah al-Hukumah.
- Ibnu Kathir, Isma’il bin Kathir. 1997. *Tafsir al-Quran al-‘Azim*. Beirut, Dar al-Ma’rifah.
- Ibnu Najjar, Taqiyy al-Din Muhammad Ahmad al-Futuhi. 1992. *Syarh al-Kawkib al-Munir*. Makkah: Jami’ah Umm al-Qura.
- J. Ravindran. 2003. Unwanted Pregnancy-Medical and Ethical Dimensions. *Medical Journal of Malaysia* 22: 58.
- Kamus Jururawat. 2001. Edisi 18. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd. Kanun Kesiksaan(Penal Code), Seksyen 312.
- Kod Etika Kelakuan Profesional 1987
- M Takrouri, T Halwani. 2007. An Islamic Medical and Legal Prospective Of Do Not Resuscitate Order In Critical Care Medicine. *The Internet Journal of Health*.1: 7.
- Mahmud Musa ‘Abd al-Lah. (t.t.). *Al-Mujiz fi al-Tib al-Syar’iy wa ‘Ilmi al-Sumum*. Iskandariyyah: Muassasah Syabab al-Jami’ah.
- Muhammad Ahmad ‘Alish. 1958. *Fath al-‘Ali al-Malik*. Mesir: Maktabah wa Matba’ah Mustafa al- Babi al-Halabi wa Awladih.
- Oxford Dictionary of Law. 1997. Edisi 4. Oxford: Oxford University Press.
- Raymon S. Edge dan John Randall Groves. 2005. *Ethics of Health Care : A Guide for clinical Practice*. New York: Thomson Delmar Learning.
- Sheila Mclean dan Gerry Maher.1983. *Medicine, Morals and the Law*. United Kingdom:Gower.
- Siti Khatijah Ismail, Ridzwan Ahmad, dan Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda. 2015. “Rukhsah dalam Penjagaan Antenatal,” dalam Nadhirah Nordin et.al (Ed.). *Isu-isu Fiqh Kontemporari*.Kuala Terengganu: Penerbit UniSZA.
- Sripati Chandrasekhan. 1974. *Abortion in a Crowded World*.London: George Allan & Unwin Ltd.
- Syarf al-Qudah. 1990. *Mata Tunfikh al-Ruh fi al-Janin*. Amman: Dar al-Furqan.
- Tengku Noor Azila Tengku Zainudin. 2002. Perlindungan undang-undang ke atas embrio dan janin: perspektif undang-undang mengenai pengguguran di Malaysia, *Malayan L. J.* <http://www.mlj.com.my/free/ articles/tengkunoor.htm>, dicapai pada 10 September 2015.
- Vivienna Harpwood. 1996. *Legal Issue in Obstetric*. Dartmouth: T.P.
- Ziad W. Munson. 2008. *The Making of Pro-life Activists How Social Movement Mobilization Works*. Chicago: The University of Chicago Press.

## Temu bual

- Temu bual bersama dengan Dr. Mohd Yusof bin Md Kassim, Pakar Perunding O&G Kuala Terengganu Specialist Hospital (KTS) pada 10 Februari 2015.
- Temu bual bersama dengan Dr. Faizan Irdawaty binti Endut, Pakar O&G Hospital Kemaman pada 16 September 2015.